

Soalan Objektif : Kata Ganda Berentak

Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran murid-murid dalam soalan kata ganda berentak.

Tekan pada jawapan yang paling sesuai.

1. Saya berasa pening kepala apabila melalui jalan yang _____ itu.

- | | |
|--------------------|---------------|
| A. bengkok-bengkok | C. batu-batan |
| B. kacau-bilau | D. haru-hiru |

2. Kaki Bali _____ oleh kesan cakaran kucing peliharaannya.

- | | |
|----------------|----------------|
| A. punah-ranah | C. robak-rabik |
| B. lekuk-kekak | D. calar-balar |

3. Badan saya terasa _____ setelah mandi air perigi yang sejuk itu.

- | | |
|-----------------|----------------|
| A. tawar-hambar | C. kusut-masai |
| B. comot-momot | D. segar-bugar |

4. Encik Lokman mengawasi anak-anaknya yang sedang asyik _____ di pantai itu.

- | | |
|------------------|----------------|
| A. mandi-manda | C. riuh-rendah |
| B. mundar-mandir | D. kacau-bilau |

5. Sifat _____ yang ditunjukkan oleh tuan rumah menyenangkan hati para tetamu.

- | | |
|----------------|----------------|
| A. remeh-temeh | C. kelam-kabut |
| B. ramah-tamah | D. keluh-kesah |

6. Rambut Wendy _____ setelah bangun daripada tidur.

- A. compang-camping C. robak-rabik
- B. kusut-masai D. huru-hara

7. Guru besar mengambil tindakan tatatertib _____ terhadap murid yang terlibat dengan kes buli itu.

- A. porak-peranda C. lambat-laun
- B. remeh-temeh D. serta-merta

8. Pak Dolah tahu _____ tentang isu politik negara walaupun dia tinggal di kawasan pedalaman.

- A. lenggak-lenggok C. serba-serbi
- B. simpang-siur D. hiruk-pikuk

9. Musim kemarau telah menyebabkan kawasan tadahan air itu _____.

- A. gembar-gembur C. serba-serbi
- B. gundah-gulana D. kering-kontang

10. Rumah Nenek Zaharah _____ dengan suara cucu-cucunya yang baru tiba dari Kuala Lumpur.

- A. tunggang-langgang C. riuh-rendah
- B. punah-ranah D. calar-balar

11. Rendang itu sangat sedap kerana dimasak menggunakan _____ yang istimewa.

- A. rempah-ratus C. lauk-pauk
- B. sayur-mayur D. saki-baki

12. Majlis itu dihadiri oleh semua rakan dan _____ terdekat Puan Dalila.

- A. saudara-mara C. corat-coret
- B. limpah-ruah D. kuih-muih

13. Keadaan _____ di Mesir menyebabkan semua pelajar Malaysia yang menuntut di sana pulang ke tanah air.

- A. tunggang-langgang C. riuh-rendah
- B. kacau-bilau D. hiruk-pikuk

14. Hati Mei Ling _____ apabila mendapati komputer ribanya hilang.

- A. compang-camping C. remuk-rendam
- B. porak-peranda D. kusut-masai

15. _____ yang terhidang di atas meja itu sungguh menyelerakan.

- A. Rempah-ratus C. Lauk-pauk
- B. Batu-batan D. Saki-baki

16. Mulut pelakon itu _____ menghafal skrip sebelum penggambaran dijalankan.

- | | |
|----------------|-----------------|
| A. comot-momot | C. simpang-siur |
| B. kumat-kamit | D. kusut-masai |

17. Lori yang _____ di kawasan perumahan saya telah mengakibatkan kerosakan jalan yang teruk.

- | | |
|--------------------|-----------------|
| A. bengkok-bengkok | C. simpang-siur |
| B. mundar-mandir | D. lalu-lalang |

18. Halina bukan sahaja pandai menjahit malah mahir membuat _____ tradisional.

- | | |
|-----------------|----------------|
| A. rempah-ratus | C. sayur-mayur |
| B. tanah-tanah | D. kuih-muih |

19. Persiapan majlis perkahwinan anak Encik Harun dan Puan Tina akan dilakukan secara _____.

- | | |
|-------------------|----------------|
| A. gotong-royong | C. riuh-rendah |
| B. lintang-pukang | D. hiruk-pikuk |

20. Rumah saya menjadi _____ apabila bekalan elektrik terputus secara tiba-tiba.

- | | |
|---------------------|----------------|
| A. terang-benderang | C. kacau-bilau |
| B. gelap-gelita | D. hiruk-pikuk |